



PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

# AQIDAH ISLAM

الْعِقَدَةُ الْإِسْلَامِيَّةُ

Al-Aqeedah Al-Islamiyyah  
Islamic Creed

Dibenarkan mencetak semula dengan syarat tidak mengubah  
teks asal dan ditulis “dicetak dengan ehsan  
Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan”.

Diterbitkan oleh

PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN  
JABATAN PERDANA MENTERI

Cetakan Pertama 2014

## **KANDUNGAN**

Dua Kalimah Syahadah	4
Sifat-sifat Allah	5 - 7
Sifat-sifat Makhluk	8
Pembahagian Jisim	9
Rukun-rukun Iman	10 - 11
Nabi dan Rasul	12
Sifat-sifat yang wajib bagi Nabi dan Rasul	13
Sifat-sifat yang mustahil bagi Nabi dan Rasul	13
Bab Riddah	14
Kata-kata dalam Ilmu Tauhid	15 - 16

## DUA KALIMAH SYAHADAH

**أشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمدا رسول الله**

**أشهد أن لا إله إلا الله**

Maksudnya:

"Aku tahu, percaya di dalam hati dan ucap dengan lidah bahawa tiada yang layak disembah melainkan Allah."

Maksud menyembah di sini ialah merendahkan diri dan hati dengan setinggi-tinggi rasa kerendahan hanya semata-mata kepada Allah Taala.

Maka wajib ke atas kita menyembah Allah yang Maha Esa yang tiada sekutu bagiNya.

**أشهد أن محمدا رسول الله**

Maksud nya:

"Kita tahu, percaya di dalam hati dan ucap dengan lidah bahawa Muhammad sallallahu ^alayhi wasallam iaitu anak kepada ^Abdullah, anak kepada ^Abdul Muttalib, anak kepada Hashim, anak kepada ^Abdul Manaf, daripada Bani Quraisy adalah hamba Allah yang telah diutuskan untuk sekalian manusia dan jin dan kepada semua bangsa Arab ataupun tidak.

Dan wajib beriman bahawa Nabi Muhammad sallallahu ^alayhi wasallam adalah seorang yang benar dalam semua apa yang dibawa olehnya daripada Allah Ta'ala. Dan Nabi Muhammad dilahirkan di Mekah, kemudian diturunkan kepadanya wahyu untuk berhijrah ke Madinah dengan perintah Allah dan baginda wafat di Madinah dan dikebumikan di sana.

## SIFAT-SIFAT ALLAH

Sifatullah	Makna Sifatullah
الوجود Ada	Allah ada tanpa tempat, Allah juga ada tanpa permulaan dan penghujung. Allah Ta'ala telah ada sebelum setiap makhluk dicipta. Allah Ta'ala tidak berubah.
القدم Tiada permulaan	Hanya Allah ada tanpa permulaan
البقاء Kekal	Allah wujud tanpa penghujung. Dia tidak akan binasa
مخالفه للحوادث Tidak sama langsung dengan makhluk ciptaanNya	Allah tidak sama langsung dengan makhluk ciptaanNya sama ada dari satu segi atau semua segi.

<b>قيامه بنفسه</b> Tidak memerlukan kepada yang lain	<p>Allah tidak memerlukan kepada apa-apa, Allah ciptakan langit, Jin, malaikat dan semua makhluk tetapi Allah tidak berhajat kepada mereka kerana Allah Maha kaya.</p>
<b>الوحدانية</b> Esa	<p>Allah tidak mempunyai pasangan dan tiada selainnya yang layak disembah melainkan Allah. Satu di sini bukan bererti nombor kerana nombor adalah makhluk.</p>
<b>القدرة</b> Berkuaasa	<p>Allah berkuasa di atas setiap sesuatu dan tiada satu kuasa pun yang dapat melemahkan Allah Taala.</p>
<b>الإرادة</b> Berkehendak	<p>Setiap yang berlaku adalah dengan kehendak Allah samaada baik atau buruk.</p>
<b>العلم</b> Mengetahui	<p>Allah mengetahui segala sesuatu. Ilmu Allah tidak ada permulaan dan tidak berubah sama ada tidak bertambah atau tidak berkurang</p>


<b>الحياة</b> Hidup	<p>Allah Maha Hidup, ALLAH hidup tidak menyerupai makhluk, tanpa memerlukan roh, darah, daging ataupun jantung. Allah hidup dan tidak mati.</p>
<b>السمع</b> Mendengar	<p>Allah mendengar tanpa telinga ataupun alat-alat bantuan pendengaran yang lain.</p>
<b>البصر</b> Melihat	<p>Allah melihat tanpa anak mata ataupun alat-alat bantuan yang lain</p>
<b>الكلام</b> Berfirman	<p>Allah berfirman tanpa lidah atau bibir. KalamNya bukan di dalam bahasa Arab atau bahasa-bahasa yang lain.</p> <p>KalamNya tidak menyamai percakapan kita.</p>

## **SIFAT-SIFAT MAKHLUK**

Diantara sifat-sifat umum makhluk yang mustahil disandarkan kepada ALLAH ialah:

- i) Ada permulaan
- ii) Berubah dari satu keadaan kepada satu keadaan yang lain  
contoh: manusia berubah dari kecil menjadi besar, dari sihat menjadi sakit
- iii) Diliputi arah/ penjuru (atas, bawah, kiri, kanan, depan dan belakang)
- iv) Boleh dibayangkan dalam fikiran
- v) Ada had/ terbatas
- vi) Berdimensi (ada kelebaran/ kepanjangan/ kedalaman/ berwarna / bersaiz dsb)

## PEMBAHAGIAN JISIM



Allah tidak menyerupai jisim katheef dan jisim latheef dan Allah tidak disifatkan dengan sifat-sifat jisim.

## **RUKUN-RUKUN IMAN**

### **1. BERIMAN KEPADA ALLAH**

- yakin bahawa Allah wujud dan tidak menyerupai makhluk-makhluk ciptaanNya yang mana Allah bersifat dengan sifat yang sempurna.

### **2. BERIMAN KEPADA PARA MALAIKAT**

- yakin bahawa malaikat berjisim latheef, diciptakan daripada cahaya, tempat tinggal mereka di langit dan bilangan mereka sangat banyak, malaikat tidak makan dan minum, tidak tidur, tidak berkahwin, dan mereka tidak ingkar apa yang diperintahkan oleh Allah dan mematuhi segala perintahNya.

Di antara nama-nama malaikat ialah:

- |           |                                     |
|-----------|-------------------------------------|
| * Jibril  | - Menyampaikan wahyu                |
| * Mikail  | - Menurunkan hujan                  |
| * Israfil | - Meniup sangkakala                 |
| * Izrail  | - Mengambil nyawa                   |
| * Munkar  | - Menyoal orang mati di dalam kubur |
| * Nakir   | - Menyoal orang mati di dalam kubur |
| * Roqib   | - Mencatat amalan kebaikan          |
| * 'Atid   | - Mencatat amalan keburukan         |
| * Malik   | - Menjaga pintu neraka              |
| * Ridhwan | - Menjaga pintu syurga              |

### **3. BERIMAN KEPADA KITAB-KITAB**

- Bilangan kitab-kitab ialah 104 dan di antara kitab-kitab yang masyhur ada empat iaitu:

- Zabur - Nabi Daud
- Taurat - Nabi Musa
- Injil - Nabi 'Isa
- Al-Qur'an - Nabi Muhammad

#### **4. BERIMAN KEPADA PARA RASUL**

- wajib beriman kepada para rasul kerana Allah telah mengutuskan para rasul kepada ciptaanNya yang lain. Rasul yang pertama diutuskan ialah nabi Adam dan yang akhir ialah nabi Muhammad.
- 124,000 orang Nabi
- 313 orang Rasul
- 25 Rasul yang terdapat di dalam al-Qur'an
- 5 daripadanya Rasul 'ulul Azmi

#### **5. BERIMAN KEPADA HARI AKHIRAT**

- wajib beriman kepada hari kiamat iaitu hari di mana semua manusia akan dihisab di atas segala amalan-amalan mereka di dunia.

#### **6. BERIMAN KEPADA QADAR, YANG BAIK DAN YANG BURUK**

- wajib beriman bahawa sesuatu yang terjadi di alam ini ialah dengan takdir Allah dan ciptaanNya sama ada kebaikan atau keburukan. Setiap yang terjadi pada kehidupan adalah ciptaan Allah. Allah adalah pencipta manusia dan perbuatan-perbuatan manusia.

## NABI & RASUL

- **Nabi** adalah seseorang yang diwahyukan oleh Allah kepadanya untuk menyambung ajaran yang disyariatkan kepada rasul sebelumnya
  
- **Rasul** adalah seseorang yang diwahyukan oleh Allah kepadanya untuk meninggalkan beberapa ajaran yang disyariatkan kepada rasul sebelumnya atau menggantikan dengan ajaran yang baru.
  
- Nabi dan rasul diperintahkan untuk menyampaikan ajaran kepada umat manusia.

**Islam** adalah agama semua nabi bermula daripada nabi Adam dan berakhir dengan nabi Muhammad. Oleh itu nabi Musa tidak membawa agama Yahudi dan nabi 'Isa juga tidak membawa agama Nasrani. Malah, mereka semua berpegang kepada agama yang satu iaitu Islam tetapi, syariat mereka iaitu hukum-hukum yang mana diturunkan kepada mereka adalah berbeza.

## **SIFAT-SIFAT YANG WAJIB BAGI NABI & RASUL**

Benar

Amanah

Bijaksana

'Iffah

- Tidak melakukan perbuatan yang keji seperti melihat perempuan ajnabi dengan bersyahwat

## **SIFAT-SIFAT YANG MUSTAHIL BAGI NABI & RASUL**

Bercakap bohong

Khianat

Bodoh

- Melakukan perbuatan yang keji seperti melihat perempuan ajnabi dengan bersyahwat

Mustahil bagi mereka kufur dan melakukan dosa-dosa besar dan kecil yang meng'aibkan seperti mencuri sebijji anggur.

## **BAB RIDDAH**

Maksud Riddah (kufur):

- Keluar daripada Islam sama ada melalui i'tiqad, perbuatan atau perkataan.

Pembahagian Riddah (kufur):

- Riddah I'tiqad. Cth: Syak pada kewujudan Allah, atau berpegang bahawa Allah mempunyai jisim atau Allah seperti Cahaya atau Allah bertempat.
- Riddah Perbuatan. Cth: Menyembah berhala, melempar mushaf ke tempat yang kotor.
- Riddah Percakapan. Cth: Mencaci Allah, agama Islam, atau seorang nabi daripada nabi-nabi.

Apakah perkara utama yang wajib dilakukan oleh orang kafir untuk memeluk islam?

- Dengan meninggalkan kekufuran dan mengucap dua kalimah syahadah.

## KATA-KATA DALAM ILMU TAUHID

قال الله تعالى: ﴿لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ﴾ (سورة الشورى: 11)

- Maksudnya: Allah tidak menyerupai sesuatu pun daripada makhluk ciptaanNya dan tidak ada sesuatu pun dari makhlukNYa yang menyerupaiNya.

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "كَانَ اللَّهُ وَلَمْ يَكُنْ شَيْءٌ غَيْرُهُ" ، رواه البخاري.

- Maksudnya: Sesungguhnya Allah wujud sejak azali dan tidak ada sesuatu pun yang selainNya.

قال الإمام علي رضي الله عنه : "كَانَ اللَّهُ وَلَا مَكَانٌ وَهُوَ الْآنَ عَلَىٰ مَا عَلَيْهِ كَانَ" ،  
رواه أبو منصور البغدادي.

- Maksudnya: Allah wujud sebelum Dia menciptakan tempat dan Allah wujud tanpa bertempat. Selepas diciptakan tempat Allah tidak berubah.

الله موجود بلا مكان  
(Allah ada tanpa bertempat)

الله لا يحتاج إلى شيء  
(Allah tidak berhajat kepada sesuatu)

الله قادر على كل شيء  
(Allah berkuasa di atas setiap sesuatu)

الله عالم بكل شيء  
(Allah maha mengetahui di atas setiap sesuatu)

الله ليس له بداية  
(Allah ada tanpa permulaan)

الله ليس له نهاية  
(Allah ada tanpa penghujung)

قال الإمام ذوالنون المصري: "مهما تصورت بيالك فالله بخلاف ذلك"

- Maksudnya: apapun yang terlintas dalam benak fikiran kamu, Allah tidak seperti itu.

مَرْجِعُهُمْ إِلَيْنَا مَنْ يَرَى وَمَا يَرَى